

PM setuju kekal 11 kerusi Berjasa

PASIR MAS, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersetuju, sebelas kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan yang diwakili oleh Berjasa sekarang dikekalkan kepada parti itu dalam pilihanraya umum akan datang.

Persetujuan tersebut dicapai dalam satu pertemuan Jawatankuasa Perhubungan Berjasa Negeri Kelantan dengan Perdana Menteri di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Perhubungan Berjasa itu diketuai oleh Pe-

suruhjaya Berjasa Negeri, Encik Wan Hashim Wan Ahmad yang juga Ahli Exco Kerajaan Negeri.

Demikian diumumkan oleh Ahli Jawatankuasa Perhubungan Berjasa Kelantan, Haji Daud Yatimi Ahmad yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri di upacara penyampalan kayu-kayu Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) oleh Timbalan Menteri Besar, Datuk Haji Hussein Ahmad di Kampung Kubang Batu, Tok Uban, 16 kilometer dari sini petang semalam.

Kawasan-kawasan yang diwakili oleh Berjasa ialah Tok Uban, Peringat, Meranti, Simpangan, Kubang Krian, Tawang, Kemumin, Salor, Perupok, Lemal dan Tendong.

Berjasa juga menganggotai tiga kerusi Exco negeri.

Beliau juga mengumumkan Jawatankuasa Perhubungan Berjasa Negeri Kelantan akan menemui Perdana Menteri, merangkap Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi bagi membincangkan peruntukan kerusi Parlimen kepada parti itu dalam pilihanraya umum akan datang.

Menurutnya, perbincangan itu akan ditumpukan kepada soal pembahagian kerusi Parlimen kepada Berjasa di beberapa buah negeri.

Beliau yang juga ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tok Uban berkata, kerusi-kerusi Parlimen yang akan dipohon oleh Berjasa ialah di negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Kedah, Pulau Pinang dan lain-lain.

"Berjasa setakat ini tidak mempunyai seorangpun ahli Parlimen, cuma 11 kerusi Dewan Undangan Negeri di Kelantan yang dimenanginya dalam pilihanraya umum 1978 lalu."

Menyentuh kerjasama UMNO-Berjasa, Haji Daud berharap ia akan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang terutama menjelang pilihanraya akan datang.

"Janganlah ada ahli UMNO hendak menjatuhkan UMNO, ahli Berjasa hendak menjatuhkan Berjasa -

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia